

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 11 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 68**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1533-L26001  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang *Religious Harmony Act* bagi mengatasi masalah polemik agama yang makin berleluasa di negara kita sejak kebelakangan ini.
2. PR-1533-L26071  
**Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kesediaan ekosistem bekalan tenaga awam dan swasta negara dalam membekalkan tenaga hijau untuk operasi pusat data di Malaysia.
3. PR-1533-L27245  
**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan pencapaian program 'AI untuk Rakyat' dan kesiapsiagaan ekosistem pembelajaran AI di institusi pendidikan, sektor swasta serta Kerajaan.
4. PR-1533-L27364  
**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah strategik jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menangani kesan drastik terhadap industri sawit Malaysia susulan kenaikan cukai import 32 peratus oleh India dan pemetongan kadar levi eksport oleh Indonesia.

5. PR-1533-L27370  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah cara atau tindakan paling berkesan yang boleh diambil terhadap kumpulan mat rempit yang sering melakukan aksi berani atau *stunts* mereka di lebuhraya yang sentiasa mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain.
6. PR-1533-L27034  
**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat kajian terhadap tahap keberhasilan projek rintis kelas hibrid sebagai proses pengajaran dan pembelajaran baharu termasuk institusi pendidikan dan sekolah yang terpilih di seluruh negara.
7. PR-1533-L27210  
**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan terkini mengenai pelaksanaan projek pembinaan empangan bawah tanah di Kedah.
8. PR-1533-L27253  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini tindakan perundangan yang diambil oleh pihak Kementerian bersama agensi lain terutama pihak MCMC bagi mengatasi judi *online* yang berlaku dalam negeri Melaka khususnya.
9. PR-1533-L27092  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan yuran pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar di universiti awam yang membebaskan golongan ibu bapa B40.
10. PR-1533-L26255  
**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menaikkan elaun pelatih-pelatih IPG yang terpaksa tinggal di luar kampus atas faktor kekangan penginapan di dalam kampus, dan terpaksa menampung kos tempat tinggal di luar kampus sehinggakan ada yang terpaksa bekerja sambil.

11. PR-1533-L26524  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan secara terperinci berkenaan:
- (a) statistik usahawan perniagaan kecil, mikro dan sederhana yang telah berjaya mengadaptasi teknologi dan digital untuk perniagaan; dan
  - (b) cabaran yang dihadapi dan usaha rentas Kementerian yang dilaksanakan bagi mencapai kadar kejayaan adaptasi teknologi digital yang tinggi.
12. PR-1533-L26054  
**Kapten Dato' Dr. Zulkaferi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan data dan perancangan Kerajaan dalam menambah geran pertubuhan prihatin komuniti bagi meningkatkan tahap keselamatan dalam komuniti serta meningkatkan penglibatan pertubuhan dalam hal ehwal keselamatan komuniti setempat pada tahun 2024.
13. PR-1533-L27583  
**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status kelulusan dana bagi SJKT LadangSungai Muar yang mohon dimasukkan dalam Belanjawan 2025.
14. PR-1533-L26480  
**Dr. Ahmad Fakhrudin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan pengukuhan jaminan kualiti perkhidmatan feri yang beroperasi di Jeti Kuala Kedah agar lebih efisien dan dipandang tinggi oleh pesaing industri domestik dan antarabangsa.
15. PR-1533-L26948  
**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah pelan tindakan promosi perpaduan negara dan muhibbah yang terkini dengan wajah baru yang lebih interaktif dan segar serta berapa jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak Kementerian dalam mempromosinya bagi lebih menarik golongan muda mengambil bahagian.
16. PR-1533-L26225  
**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :
- (a) status terkini mengenai pembangunan pusat data di Johor; dan
  - (b) usaha yang dilaksana bagi meningkatkan tahap keberkesanan ekosistem pusat data negara.

17. PR-1533-L26431  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan dalam usaha menambah baik dan meluaskan KLIA1 bagi menampung keperluan peningkatan jumlah penumpang dan memperkukuh kedudukan KLIA1 sebagai hab penerbangan serantau serta antarabangsa.
18. PR-1533-L26845  
**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pengapungan harga minyak diesel yang dilakukan selaras atau mengikut turun naik harga minyak dunia yang ketika ini.
19. PR-1533-L27027  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa setiap tahun ada pelajar-pelajar cemerlang STPM yang mendapat A dalam semua mata pelajaran dengan CGPA 4.0 tetapi tidak ditawarkan kursus pilihan pertama mereka. Adakah Kementerian mengamalkan sistem kuota kemasukan kepada sesuatu kursus terutamanya kursus-kursus profesional membezakan pelajar-pelajar daripada aliran Matrikulasi dan aliran STPM.
20. PR-1533-L27060  
**Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana penglibatan guru-guru dan pemegang taruh sektor pendidikan dalam pembangunan dan pelaksanaan Kurikulum 2027 serta sejauh mana integrasi pembelajaran dalam bidang STEM diperkasa.
21. PR-1533-L26248  
**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini. Apakah jenis program yang efektif, yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negeri ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.
22. PR-1533-L27340  
**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan kenaikan kadar cukai perkhidmatan dan peluasan skop perkhidmatan bercukai bermula pada 1 Mac 2024 serta kenaikan harga diesel pada 10 Jun 2024 terhadap kos sara hidup rakyat.

23. PR-1533-L26424

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan terdapat banyak aduan berkenaan pasangan bukan warganegara yang mengalami masalah untuk mendapatkan kelulusan permit masuk dan pas residen walaupun mereka telah lama tinggal di Malaysia. Masalah ini sedikit sebanyak mengganggu kehidupan seharian mereka. Apakah perancangan Kerajaan untuk membantu mereka menyelesaikan masalah ini.

24. PR-1533-L26792

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rambai Jasin - Sungai Kesang yang telah melebihi enam tahun.

25. PR-1533-L26739

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil bagi menangani kekurangan guru terlatih, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman, serta sasaran Kementerian dalam merapatkan jurang nisbah guru-pelajar antara sekolah bandar dan luar bandar.

26. PR-1533-L27353

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) perincian dan definisi bagi mengkategorikan kesalahan 3R; dan
- (b) apakah jaminan Kerajaan bahawa undang-undang ini dikuatkuasakan secara adil dan bukannya untuk menyekat peranan Pembangkang dalam sistem demokrasi berparlimen.

27. PR-1533-L27533

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab tiada tindakan undang-undang dikenakan terhadap timbalan presiden PAS dalam nombor repot polis KEPONG/011989/24 tentang dakwaan beliau bahawa "Orang Cina cakap Cina akan timbul buruk sangka".

28. PR-1533-L26306  
**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :
- (a) perancangan terperinci Kerajaan bagi memperkukuh kawalan keselamatan sempadan laut negara menerusi ESSCOM; dan
  - (b) sejauh manakah perancangan Kementerian dari segi pengukuhan keupayaan aset serta aspek penguatkuasaan dalam mendepani ancaman keselamatan sempadan baharu yang semakin canggih.
29. PR-1533-L26682  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan untuk meningkatkan penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001 supaya kes-kes seperti kes Global Ikhwan Sdn Bhd (GISBH) dan kes Abang Bas dalam Tiktok tidak akan berlaku lagi.
30. PR-1533-L27233  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pendakwaan terhadap anggota polis pengiring yang didakwa memukul seorang pemandu e-hailing kurang upaya (OKU) pada 28 Mei yang lalu serta tindakan susulan yang telah diambil.
31. PR-1533-L27103  
**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik penahanan, pertuduhan dan sabitan di bawah POCA berdasarkan pecahan umur, kaum, jantina dan taraf kewarganegaraan, bagi setiap tahun dari Januari 2018 hingga September 2024.
32. PR-1533-L26920  
**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini kerja-kerja naik taraf bangunan dan prasarana daif di 450 buah sekolah yang merangkumi 185 projek di Sarawak dan 155 di Sabah dengan peruntukan sebanyak RM930 juta seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2024 yang lalu.
33. PR-1533-L26291  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status kerja-kerja yang telah siap di bawah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuyoh dan perbelanjaan yang telah digunakan. Nyatakan kekangan pelaksanaan dan sasaran penyediaan projek ini.

34. PR-1533-L27389

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan kes 115 akuan bersumpah (SD) sokongan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri.

35. PR-1533-L(5)00280

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini berkenaan kekurangan guru Bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah menengah termasuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan dan langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan keperluan ini dipenuhi.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

36. PR-1533-L27303

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembinaan ICQS atau kompleks sempadan Bukit Berapit di Pengkalan Hulu, Perak di bawah Parlimen Gerik dan bila ianya dijangka siap sepenuhnya untuk beroperasi.

37. PR-1533-L26172

**Dato Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Ibu Pejabat Polis Daerah Lawas daripada kategori C kepada kategori B.

38. PR-1533-L(5)00284

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) bantuan dan khidmat nasihat yang akan diberikan kepada perusahaan mikro dengan hasil tahunan bawah RM150 000 tetapi dengan rela ingin mengeluarkan e-invois; dan
- (b) adakah insentif diberikan kepada peserta secara rela dan pihak ketiga dilatih serta dibenarkan untuk membantu kumpulan ini.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

39. PR-1533-L27014

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mengkaji kembali peruntukan undang-undang dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang bersifat berat sebelah dan terdedah kepada penyalahgunaan.

40. PR-1533-L(5)00285

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi Fasa 5 dari segi kos keseluruhan, nama kontraktor dan tarikh projek bermula dan tarikh siap. Adakah pelaksanaan projek ini melibatkan pemindahan penduduk. Jika ya, nyatakan kawasan dan jumlah penduduk yang terjejas.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

41. PR-1533-L26901

**Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah menyemak semula penyaluran fiskal kepada negeri-negeri khususnya melibatkan kepentingan tertentu seperti keselamatan makanan, tanaman padi, pajakan negeri dan sebagainya.

42. PR-1533-L(5)00290

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan formula pengiraan kadar harga Caj Sambungan Pengguna (CSP) yang dikenakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi permohonan tambahan lampu awam dan apakah rasional mengutip CSP daripada PBT memandangkan ini meningkatkan kos PBT menyediakan pencahayaan kepada penduduk.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

43. PR-1533-L26774

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap gesaan mengembalikan UPSR dan PT3 dan apakah garis masa untuk mengembalikan peperiksaan.

44. PR-1533-L27008

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status penebusan baucar buku bagi pelajar tahap dua sekolah rendah, sekolah menengah sehingga peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) dan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan kadar penebusan baucar ini mencapai sasaran 100 peratus sebelum tamat tempohnya pada akhir tahun ini.



45. PR-1533-L26492  
**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha penambahbaikan Kerajaan terhadap Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) dalam usaha memperkukuh tadbir urus dan pengurusan fiskal negara terutama daripada segi had siling hutang statutori negara serta takrifan "kausa keluar" sewaktu krisis seperti wabak atau bencana.
46. PR-1533-L27496  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk mengatasi banjir berulang di beberapa kawasan/kampong antaranya Kg. Temerlok Trong, Kg. Matang Gelugur Kuala Sepetang dan Kg Jelutong Changkat Jering di dalam Parlimen Bukit Gantang dan berapa banyak peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk tujuan tersebut.
47. PR-1533-L27284  
**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mekanisme kawal selia tayar celup yang digunakan kenderaan perdagangan dalam mengurangkan kemalangan akibat cebisan tayar atau *road gator* (buaya jalan) atas jalan raya yang boleh menyebabkan kerosakan serius hingga ada yang meragut nyawa.
48. PR-1533-L26941  
**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) secara optimum dan berkesan terutamanya untuk pelajar dan guru.
49. PR-1533-L26831  
**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah drastik Kerajaan untuk mengatasi fenomena air pasang besar yang berlaku pada setiap masa di penempatan nelayan yang tinggal di kuala-kuala seluruh negara yang merosakkan peralatan rumah mereka.
50. PR-1533-L27107  
**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semasa dan langkah Kerajaan bagi menyelesaikan isu pindah milik tanah seluas 106.42 hektar di Jalan Tuanku Sultan Abdul Halim sungguh pun pihak Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Kerajaan bagi menanggungkan pindah milik kepada Semantan Estate (1952) Sdn. Bhd.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                 |  |                               |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 1. | ( D.R.59/2024 ) | Rang Undang-Undang Keselamatan dalam Talian 2024.  | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 2. | ( D.R.65/2024 ) | Rang Undang-Undang Pemegang Amanah (Pindaan) 2024.   | “                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R.66/2024 ) | Rang Undang-Undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024.  | “                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 4. | ( D.R.64/2024 ) | Rang Undang-Undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024. | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>  |                               |
| 5. | ( D.R.43/2024 ) | Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024  | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]</b>   |                               |
| 6. | ( D.R.60/2024 ) | Rang Undang-Undang Perkongsian Data 2024.  | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Digital ]</b>   |                               |
| 7. | ( D.R.61/2024 ) | Rang Undang-Undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024.   | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>  |                               |

8. Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan:-

“**MENYEDARI** Hak kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan telah mencetuskan polemik antara Malaysia dan Singapura selama beberapa dekad. Dimensi sejarah, undang-undang dan perubahan geopolitik yang kompleks telah mempengaruhi usaha-usaha Malaysia untuk terus mempertahankan pemilikan di kawasan pertikaian ini. Keperihatinan Kerajaan terhadap isu kedaulatan di ketiga-tiga kawasan ini telah diterjemahkan melalui penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan (Suruhanjaya) mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119].

**MENYEDARI** Suruhanjaya dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya, memerlukan perhatian yang serius daripada pihak Kerajaan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan (Laporan Suruhanjaya) dilaksanakan dengan berkesan.

**MEMAHAMI** bahawa penemuan Suruhanjaya mempunyai implikasi terhadap keselamatan dan kedaulatan negara. Laporan Suruhanjaya membangkitkan isu-isu perundangan dan pentadbiran berkaitan kedaulatan negara yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan, agensi dan Kerajaan Negeri yang terlibat berteraskan kepentingan perkara ini kepada integriti dan kedaulatan maritim negara.

**MEMPERAKUI** bahawa Kerajaan memandang serius isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Suruhanjaya dan hakikatnya apabila YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu yang dibangkitkan. Segala perkara berkenaan kedaulatan negara yang melibatkan kelemahan proses pembuatan keputusan, kepincangan tatakelola pentadbiran dan pengurusan kes, ketiadaan penglibatan Kerajaan Negeri dan ketidakselarasan tindakan antara pihak berwajib, perlu diteliti dan diambil tindakan penambahbaikan secara cekap dan efektif.

**MENEGASKAN** bahawa penelitian terhadap penemuan dan syor-syor Suruhanjaya bukan sahaja dapat memberikan penjelasan tentang kedudukan berkenaan perkara berkaitan kedaulatan negara, tetapi juga mengukuhkan komitmen bersama untuk menegakkan kepentingan negara.

**BAHAWA** dalam Suruhanjaya melaksanakan tanggungjawabnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan berdiri teguh menyokong Kerajaan, agar dapatan Suruhanjaya dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan seterusnya diambil tindakan secara menyeluruh oleh pihak terlibat bagi menangani dan mengatasi kelemahan yang dikenal pasti ke arah memastikan kedaulatan negara terus terpelihara.”

9. ( D.R.19/2024 ) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1533-U(27)339

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dan meningkatkan kadar gaji minimum. Kali terakhir Kerajaan menyemak semula gaji minimum pada Mei 2022 dengan kenaikan daripada RM1,200 kepada RM1,500. Walaupun kenaikan itu merupakan langkah positif terutama dalam menyediakan taraf hidup yang lebih selesa bagi mereka yang berpendapatan rendah, kebimbangan kekal mengenai kesan jangka panjangnya disebabkan potensi inflasi.

Adalah diharapkan peningkatan gaji minimum dapat diuruskan dengan baik bagi merangsang pertumbuhan produktiviti perniagaan. Adalah penting untuk menangani cabaran seperti kemerosotan daya saing dan kekurangan bakat mahir. Kerajaan mesti melabur dalam teknologi, peningkatan kemahiran tenaga kerja dan langkah kalis masa depan sambil menguruskan tekanan inflasi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sudah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji kenaikan gaji minimum bagi membantu mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan di samping mengimbangi tekanan inflasi dan mengekalkan daya saing ekonomi."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

11. PR-1533-U(27)340

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula GST supaya dapat mengimbangi keperluan fiskal negara yang semakin meningkat.

Peralihan daripada GST kepada SST pada 2018 telah mengurangkan hasil cukai dengan ketara. Walaupun kadar Cukai Perkhidmatan telah meningkat dari 6% kepada 8% pada 2024, hasil tahunan kekal jauh di bawah paras era GST. Kekurangan ini menghalang pembangunan infrastruktur.

Sudah tiba masanya pengenalan semula GST dan sistem pulangan cukai yang lebih cekap dan efisien akan merangsang pertumbuhan pendapatan Kerajaan. Hasil ini mestilah disalurkan untuk pembangunan infrastruktur justeru terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Adalah diharapkan pelaporan yang telus tentang penggunaan kutipan cukai tersedia bagi terus membina kepercayaan masyarakat umum terhadap keperluan kutipan cukai yang lebih efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1533-U(27)341

**Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji dan menyediakan satu kaedah yang mampan bagi membiayai perkhidmatan kesihatan awam dalam negara.

Sistem penjagaan kesihatan Malaysia menghadapi kos yang semakin meningkat, pergantungan yang besar kepada pembiayaan Kerajaan, perbelanjaan isi rumah tinggi, perlindungan insurans yang terhad, dan ketidaksamaan dalam akses penjagaan kesihatan. Sistem perkhidmatan kesihatan awam berada di bawah tekanan, manakala penjagaan swasta masih tidak mampu dimiliki oleh ramai orang.

Sudah tiba masanya satu kaedah yang inklusif bagi menjamin kemampuan sistem perkhidmatan kesihatan negara di samping terus memberikan perkhidmatan yang cekap kepada masyarakat umum."

**[ Menteri Kesihatan ]**

13. PR-1533-U(27)342

**Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk membentangkan satu Kertas Putih Kesihatan Mental Kebangsaan.

1 daripada 3 rakyat Malaysia mempunyai isu kesihatan mental, dengan jumlah tertinggi adalah di kalangan mereka yang berumur 16-19 tahun serta mereka daripada keluarga berpendapatan rendah.

Kesihatan mental turut menjejaskan satu daripada enam kanak-kanak berumur lima hingga 15 tahun di Malaysia. Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak telah melonjak daripada 7.9% pada 2019 kepada 16.5% pada 2023.

Adalah diharapkan, kertas putih ini dapat menggariskan isu dan punca masalah mental yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat supaya semua pemegang taruh memberikan solusi terbaik bagi menangani masalah ini."

**[ Menteri Kesihatan ]**

14. PR-1533-U(27)346

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

15. PR-1533-U(27)348

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaiannya ibu bapa dan penjaga Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani pantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkukuh dan direalisasikan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1533-U(27)350

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, perancangan jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*)."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1533-U(27)352

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

18. PR-1533-U(27)353

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaikpulihan dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

19. PR-1533-U(27)354

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.



Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

20. PR-1533-U(27)355

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

21. PR-1533-U(27)356

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi ]**

22. PR-1533-U(27)357

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya FreeFlow ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

23. PR-1533-U(27)358

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh hal yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekali gus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan Sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya."

**[ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ]**

24. PR-1533-U(27)359

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan Kerajaan."

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

25. PR-1533-U(27)360

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan negeri Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan Negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut."

**[ Menteri Kewangan ]**

26. PR-1533-U(27)361

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya."

**[ Menteri Kewangan ]**

27. PR-1533-U(27)343

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan *Value Added Tax* (VAT) pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 150 negara.

Kerajaan boleh menstruktur semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barangan dan perkhidmatan dengan sesetengah barangan boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif."

**[ Menteri Kewangan ]**

28. PR-1533-U(27)344

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk segera mengambil ketetapan dalam menangani isu kritikal kemudahan penjagaan kesihatan awam yang kekurangan tenaga mencukupi. Malah, hampir ke semua klinik dan hospital Kerajaan di seluruh negara dilaporkan beroperasi dalam keadaan kurang kakitangan sehingga menyebabkan berlaku lambakan tugas dan memanjangkan lagi tempoh menunggu.

Dengan mengambil kira laporan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) yang mendapati hanya lima peratus kemudahan penjagaan kesihatan awam di negara ini mempunyai tenaga yang mencukupi, sudah tiba masanya untuk Kerajaan menyediakan solusi yang lebih konkrit serta komprehensif bagi mengelakkan keruntuhan sistem kesihatan negara.

Fenomena perhijrahan cendekiawan, dengan peningkatan mendadak doktor yang berhenti dan tidak menerima jawatan tetap adalah satu perkara yang serius dan memerlukan tindakan segera dari Kerajaan. Kebimbangan ini perlu dirawati menerusi reformasi industri kesihatan terutamanya apabila Kertas Putih Kesihatan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lalu."

**[ Menteri Kesihatan ]**

29. PR-1533-U(27)345

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

**[ Menteri Kewangan ]**

30. PR-1533-U(27)347

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menubuhkan satu suruhanjaya bagi menyiasat kes-kes serta isu-isu jenayah eksploitasi kanak-kanak merangkumi penderaan, pengantunan dan eksploitasi yang semakin berleluasa di Malaysia.

Kebelakangan ini negara kita telah digemparkan dengan kes terkait 'Global Ikhwan Service and Business Holding' (GISB) sepertimana yang dilaporkan oleh pihak media dan juga isu membabitkan "Abang Bas" yang tular di media sosial yang memperlihatkan jenayah berkaitan kanak-kanak seakan sudah menjadi barah di negara kita.

Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dalam menangani isu ini bagi memastikan kanak-kanak di negara kita dapat menikmati masa kecil mereka dalam persekitaran yang lebih selamat dan kondusif."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

31. PR-1533-U(27)349

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian kajian yang menyeluruh bagi fasiliti ataupun jalan raya yang terdapat kebarangkalian dan boleh diklasifikasikan sebagai titik panas untuk berlakunya kejadian lubang benam (*sink hole*) yang semakin menjadi kerisauan dalam kalangan warga kota mutakhir ini.

Kebelakangan ini, kita telah dikejutkan dengan insiden yang mengakibatkan peristiwa menyayat hati, telah meragut nyawa seorang wanita susulan kejadian tanah mendap yang berlaku di kawasan Masjid India, di ibu kota Kuala Lumpur selain beberapa kejadian lain yang berlaku di Jalan Sultan Ismail, Pantai Dalam dan juga di Kompleks Bunga Raya, Terminal KLIA.

Kewujudan lubang benam ini ternyata mencetuskan polemik dalam kalangan rakyat mengenai sejauh manakah Kuala Lumpur ini selamat untuk diduduki pada masa akan datang. Pembangunan tanpa henti, sistem saliran yang huru hara, kejadian mendapan atau pasir jerlus, pengaliran keluar air bawah tanah, bebanan melampau, pergerakan fizikal termasuk pembangunan persekitaran dilihat antara faktor kepada fenomena ini untuk berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih holistik bagi melenyapkan keresahan rakyat dengan melakukan pemetaan semula serta ujian integriti untuk semua sistem saliran di seluruh Kuala Lumpur bagi memastikan tiada lagi kejadian yang tidak diingini daripada berlaku. Adalah lebih baik kita mencegah daripada merawat sebelum berlaku kejadian yang lebih teruk."

**[ Perdana Menteri ]**

32. PR-1533-U(27)351

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dengan lebih mendalam dan penuh hikmah berhubung laporan bertajuk 'Transitioning Futures, Anticipating Change: Socioeconomic Futures of Malaysia's Climate and Demographic Transition', oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) yang membangkitkan kebimbangan mengenai perubahan akibat perubahan iklim dan demografi masa depan.

Hari terpanas Malaysia pada tahun 2050 dijangka mencecah pada suhu 40.8°C dan juga turut akan menjadi sebuah negara yang diklasifikasikan sebagai sangat tua (*super-aged*) menjelang tahun 2056.

Malaysia dianggar memerlukan hampir RM392 bilion bagi menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dalam tempoh 50 tahun mendatang dan dengan pertumbuhan penduduk yang lebih perlahan dan tenaga kerja yang mengecut akan menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) negara menurun sebanyak satu pertiga menjelang 2050.

Justeru, Kerajaan perlu mengambil pendekatan proaktif bermula sekarang dalam menangani isu perubahan iklim dan isu tenaga kerja yang semakin tua yang secara tidak langsung memberi kesan kritikal terhadap struktur ekonomi serta pasaran buruh kerana kedua-duanya mempengaruhi mata pencarian dan kestabilan ekonomi negara."

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

33. PR-1533-U(27)362

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuan ]** akan mencadangkan :

"Menerima kewujudan Seksyen (1) Perkara 112C Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dan Seksyen (2) Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Persekutuan serta penguatkuasaannya dan menerima hakikat bahawa hak ini adalah hak-hak Perlembagaan Rakyat Sabah.

Menerima juga hakikat bahawa terdapat kekeliruan dalam pelaksanaan hak-hak perlembagaan ini dan bahawa selama 44 tahun (1974 – 2018), kadar pemberian khas di bawah peruntukan tersebut gagal dikaji oleh Kerajaan Persekutuan.

Memperakui langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan selepas penubuhan kerajaan Pakatan Harapan 2018 sehingga kini iaitu bermula dengan menaikkan pemberian kepada RM53.4 juta, kemudian dinaikkan Kerajaan Perikatan Nasional ke RM125.6 juta, pada tahun 2023, dan kemudian Kerajaan Madani naikkan kepada RM300 juta dan baru-baru ini dinaikkan lagi kepada RM600 juta.

Dan menerima hakikat bahawa semua langkah-langkah ini bersifat sementara (interim) sebelum Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk melaksanakan hak Perlembagaan Rakyat Sabah sepenuhnya.

Menerima hakikat bahawa pelaksanaan ini mengambil masa begitu panjang sehingga sekarang iaitu negara Malaysia sudah berusia 61 tahun.



Maka, Tuaran ingin mengusulkan supaya Dewan yang mulia ini membuat keputusan untuk melaksanakan Hak Perlembagaan Rakyat Sabah ini secara tuntas termasuk meminda perkara 97 (1) Perlembagaan Malaysia untuk membolehkan kerajaan Sabah memungut 40% daripada pungutan hasil Persekutuan daripada Sabah secara langsung."

**[ Perdana Menteri ]**

34. PR-1533-U(27)363

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurangnya lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada Federal Task Force di bawah Majlis Keselamatan Negara, terdapat kecelaruan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehinggakan penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad banci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian. Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi selepas beranak pinak di Sabah, sehingga kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

35. PR-1533-U(27)364

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa masih terdapat beberapa negara yang mengeluarkan Travel Advisory Note terhadap rakyat mereka.

Dan menerima hakikat bahawa Travel Advisory Note ini membantutkan pelaburan dan perkembangan industri pelancongan terutama sekali di Pantai Timur, Sabah.

Menerima hakikat bahawa kerajaan telah pun menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) pada 1 April 2013 dan telah pun beroperasi selama 11 tahun hingga kini.

Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan Sabah sudah membelanjakan berjuta ringgit untuk ESSCOM.

Menerima hakikat bahawa dua taman perindustrian di Sabah terletak di Pantai Timur iaitu Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Sandakan dan POIC Lahad Datu, yang mana kejayaan mereka adalah bergantung kepada hal-ehwal keselamatan.

Oleh itu, Dewan yang mulia ini perlu ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah terkawal, sehingga negara-negara yang mengeluarkan Travel Advisory Note tersebut mengubah amaran atau dasar mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

36. PR-1533-U(27)365

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar jualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

37. PR-1533-U(27)366

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih lagi luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkat keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

38. PR-1533-U(27)367

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan Elektrik di Sabah telah pun diserahkan kepada Kerajaan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan selepas Kelulusan Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 (Akta 725) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 (Akta 726) dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 2023.

Menerima hakikat penyerahan kawal selia telah dimuktamadkan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan tiga Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Negeri Sabah pada 03 Januari 2024 berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada kerajaan Persekutuan membabitkan RUU Bekalan Elektrik 2024, Tenaga Boleh Baharu 2024 dan RUU Suruhanjaya Tenaga Sabah (Pindaan) 2024.

Dan menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah kini berada di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS), manakala Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia.

Menerima juga hakikat bahawa syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan satu-satunya syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik kepada Wilayah Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dan menerima hakikat bahawa jarak geografi Labuan adalah lebih dekat dengan Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Justeru, Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi membuat keputusan pemindahan kawal selia bekalan elektrik Labuan daripada ST kepada ECoS bagi memudahkan pemantauan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta mempermudah segala urusan dan menjimatkan kos."

**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

39. PR-1533-U(27)368

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat sejarah bahawa Pulau Labuan diserahkan oleh Kerajaan Sabah menjadi Wilayah Persekutuan dengan niat suci untuk tujuan membangunkan Labuan dengan pesat.

Menerima hakikat Kerajaan Persekutuan telah gagal membangunkan Labuan termasuklah menyediakan utiliti bekalan air dan elektrik.

Menerima hakikat bahawa rakyat Labuan adalah juga rakyat Sabah yang masih terikat dengan adat istiadat Sabah dan oleh itu masih lagi memerlukan perkhidmatan sistem Mahkamah Anak Negeri dan seterusnya memerlukan bimbingan dan perkhidmatan di pelbagai agensi Kerajaan Sabah.

Menerima hakikat bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat tanpa mengambil kira kesan terhadap persempadanan Sabah.

Dan menerima hakikat penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak diberi pampasan walau satu sen pun kepada Sabah.

Menerima hakikat bahawa Pulau Labuan terlalu dekat dengan Sabah, dan penduduk serta rakyat Labuan mempunyai ikatan yang sangat kuat dengan penduduk Sabah.

Maka dengan itu, Tuaran mengusulkan di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan mengembalikan semula Labuan kepada Sabah."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 183	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Penilaian Kesediaan Industry4WRD) 2020 P.U. (A) 272/2020 diwartakan pada 21 September 2020	11 Disember 2024
ST. 184	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 P.U. (A) 373/2020 diwartakan pada 24 Disember 2020	11 Disember 2024
ST. 185	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Pelaburan dalam Projek Baharu Pengeluaran Bahan Makanan atau Projek Pembesaran) 2020 P.U. (A) 374/2020 diwartakan pada 24 Disember 2020	11 Disember 2024
ST. 186	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Kos Pengubahsuaian dan Pembaharuan Premis Perniagaan) 2020 P.U. (A) 381/2020 diwartakan pada 28 Disember 2020	11 Disember 2024
ST. 187	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Kos Latihan di bawah <i>Program Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ-Ready to Work (RTW))</i> ) 2021 P.U. (A) 228/2021 diwartakan pada 11 Mei 2021	11 Disember 2024
ST. 188	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2021 P.U. (A) 344/2021 diwartakan pada 23 Ogos 2021	11 Disember 2024
ST. 189	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Khas bagi Pengurangan Sewa Kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana) 2021 P.U. (A) 353/2021 diwartakan pada 8 September 2021	11 Disember 2024
ST. 190	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Khas bagi Pengurangan Sewa Kepada Penyewa selain daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana) 2021 P.U. (A) 354/2021 diwartakan pada 8 September 2021	11 Disember 2024

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 191	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2021 P.U. (A) 370/2021 diwartakan pada 21 September 2021	11 Disember 2024
ST. 192	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel) 2021 P.U. (A) 377/2021 diwartakan pada 4 Oktober 2021	11 Disember 2024
ST. 193	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)) 2021 P.U. (A) 390/2021 diwartakan pada 11 Oktober 2021	11 Disember 2024
ST. 194	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Berhubung dengan Kos Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) bagi Pekerja) 2021 P.U. (A) 404/2021 diwartakan pada 20 Oktober 2021	11 Disember 2024
ST. 195	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2021 P.U. (A) 425/2021 diwartakan pada 23 November 2021	11 Disember 2024
ST. 196	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penajaan Biasiswa kepada Pelajar Malaysia yang Mengikuti Pengajian Dalam Bidang Kejuruteraan atau Teknologi di Peringkat Sijil Teknik dan Vokasional, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda) 2021 P.U. (A) 468/2021 diwartakan pada 23 Disember 2021	11 Disember 2024
ST. 197	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 12) 2021 P.U. (A) 478/2021 diwartakan pada 27 Disember 2021	11 Disember 2024

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 198	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2021 P.U. (A) 501/2021 diwartakan pada 31 Disember 2021	11 Disember 2024
ST. 199	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penajaan Biasiswa kepada Pelajar Malaysia yang Mengikuti Pengajian di Peringkat Sijil Teknik dan Vokasional) 2021 P.U. (A) 503/2021 diwartakan pada 31 Disember 2021	11 Disember 2024
ST. 200	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Program Pembangunan Vendor) 2022 P.U. (A) 2/2022 diwartakan pada 6 Januari 2022	11 Disember 2024
ST. 201	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengkomersialan Dapatan Penyelidikan dan Kemajuan) 2022 P.U. (A) 3/2022 diwartakan pada 6 Januari 2022	11 Disember 2024
ST. 202	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif bagi Pengilang Produk Farmaseutikal) 2022 P.U. (A) 34/2022 diwartakan pada 17 Februari 2022	11 Disember 2024
ST. 203	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Pusat Perdagangan Global) 2022 P.U. (A) 48/2022 diwartakan pada 4 Mac 2022	11 Disember 2024
ST. 204	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penajaan Biasiswa kepada Pelajar Malaysia yang Mengikuti Pengajian di Peringkat Sijil Teknik dan Vokasional, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah) 2022 P.U. (A) 49/2022 diwartakan pada 7 Mac 2022	11 Disember 2024



**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 205	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2022 P.U. (A) 115/2022 diwartakan pada 15 April 2022	11 Disember 2024
ST. 206	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2022 P.U. (A) 116/2022 diwartakan pada 15 April 2022	11 Disember 2024
ST. 207	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka atau Syarikat Modal Teroka) 2022 P.U. (A) 117/2022 diwartakan pada 15 April 2022	11 Disember 2024
ST. 208	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Hab Prinsipal) 2022 P.U. (A) 164/2022 diwartakan pada 24 Mei 2022	11 Disember 2024
ST. 209	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Program Pembangunan Vendor Industry4WRD) 2022 P.U. (A) 172/2022 diwartakan pada 30 Mei 2022	11 Disember 2024
ST. 210	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2022 P.U. (A) 312/2022 diwartakan pada 6 Oktober 2022	11 Disember 2024
ST. 211	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Baharu Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan) 2022 P.U. (A) 351/2022 diwartakan pada 31 Oktober 2022	11 Disember 2024
ST. 212	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan) 2022 P.U. (A) 398/2022 diwartakan pada 28 Disember 2022	11 Disember 2024

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 213	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2023 P.U. (A) 240/2023 diwartakan pada 15 Ogos 2023	11 Disember 2024
ST. 214	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Pengilangan) 2023 P.U. (A) 241/2023 diwartakan pada 15 Ogos 2023	11 Disember 2024
ST. 215	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (bagi Individu Pemastautin yang Bukan Warganegara dan Memegang Jawatan C Suite dalam Suatu Syarikat yang Diluluskan) 2023 P.U. (A) 242/2023 diwartakan pada 15 Ogos 2023	11 Disember 2024
ST. 216	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2023 P.U. (A) 251/2023 diwartakan pada 23 Ogos 2023	11 Disember 2024
ST. 217	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2023 P.U. (A) 252/2023 diwartakan pada 23 Ogos 2023	11 Disember 2024
ST. 218	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Pekerja Berpengalaman dan Aktiviti yang Layak Dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur) 2023 P.U. (A) 330/2023 diwartakan pada 1 November 2023	11 Disember 2024
ST. 219	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2023 P.U. (A) 382/2023 diwartakan pada 19 Disember 2023	11 Disember 2024
ST. 220	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2023 P.U. (A) 383/2023 diwartakan pada 19 Disember 2023	11 Disember 2024
ST. 221	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2023 P.U. (A) 384/2023 diwartakan pada 19 Disember 2023	11 Disember 2024

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 222	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2023 P.U. (A) 410/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	11 Disember 2024
ST. 223	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 37/2024 diwartakan pada 2 Februari 2024	11 Disember 2024
ST. 224	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2024 P.U. (A) 57/2024 diwartakan pada 23 Februari 2024	11 Disember 2024
ST. 225	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2024 P.U. (A) 75/2024 diwartakan pada 4 Mac 2024	11 Disember 2024
ST. 226	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 106/2024 diwartakan pada 5 April 2024	11 Disember 2024
ST. 227	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 107/2024 diwartakan pada 5 April 2024	11 Disember 2024
ST. 228	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 108/2024 diwartakan pada 5 April 2024	11 Disember 2024
ST. 229	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2021 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 109/2024 diwartakan pada 5 April 2024	11 Disember 2024
ST. 230	AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 Perintah Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 127/2024 diwartakan pada 17 Mei 2024	11 Disember 2024

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 231	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 (Pindaan) 2024 P.U. (A) 157/2024 diwartakan pada 12 Jun 2024	11 Disember 2024
ST. 232	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Aset) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 243/2024 diwartakan pada 17 September 2024	11 Disember 2024
ST. 233	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Projek) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 244/2024 diwartakan pada 17 September 2024	11 Disember 2024
ST. 234	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Bangunan Hijau) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 245/2024 diwartakan pada 17 September 2024	11 Disember 2024
ST. 235	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Perkhidmatan) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 246/2024 diwartakan pada 17 September 2024	11 Disember 2024
ST. 236	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Insentif Teknologi Hijau) (Pajakan Sistem Fotovolta Suria) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 247/2024 diwartakan pada 17 September 2024	11 Disember 2024
ST. 237	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 249/2024 diwartakan pada 20 September 2024	11 Disember 2024
ST. 238	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah Berhubung dengan Pendapatan yang Diterima di Malaysia dari Luar Malaysia) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 250/2024 diwartakan pada 20 September 2024	11 Disember 2024
ST. 239	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pengeluaran Invois Elektronik) 2024 P.U. (A) 265/2024 diwartakan pada 30 September 2024	11 Disember 2024

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 240	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Skim Penstrukturan Semula Syarikat) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 289/2024 diwartakan pada 8 Oktober 2024	11 Disember 2024
ST. 241	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Tawaran Awam Permulaan) (Pengecualian) 2024 P.U. (A) 290/2024 diwartakan pada 8 Oktober 2024	11 Disember 2024
ST. 242	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus Bionexus) 2016 P.U. (A) 306/2016 diwartakan pada 7 Disember 2016	11 Disember 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
<p style="text-align: center;">YB Tuan Zahir bin Hassan (Wangsa Maju)</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Status Perkembangan Terkini Penyelesaian Isu Projek Residensi Hektar Gombak</li> <li>2. Status Penyakit Tidak Berjangkit dan Fasiliti Kesihatan Awam di Wangsa Maju</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan</li> <li>2. YB Menteri Kesihatan</li> </ol>
<p style="text-align: center;">YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Kuala Langat)</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gangguan Bunyi di Sekolah Kebangsaan Bandar Saujana Putra, Jenjarom Kuala Langat</li> <li>2. Kepadatan Murid Sekolah Kebangsaan Kebun Baharu (SKKB)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri Pendidikan</li> <li>2. YB Menteri Pendidikan</li> </ol>

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**